

1. Baca petikan karangan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Gasing merupakan warisan seni yang telah diperkenalkan sejak dahulu lagi. Oleh sebab bermain gasing memerlukan kepakaran dan kekuatan fizikal, permainan ini lebih sesuai dimainkan oleh golongan lelaki.

Gasing berasal dari Makkah. Gasing dibawa masuk ke Tanah Melayu pada tahun 450 Masihi. Pedagang-pedagang Arab telah memperkenalkan gasing kepada penduduk tempatan. Mereka telah mengajar penduduk tempatan cara bermain gasing.

Seseorang itu memerlukan kemahiran membuat gasing. Gasing yang bermutu dibuat daripada kayu bakau. Kayu ciku, jering atau jambu juga digunakan kerana mudah didapati.

Terdapat berbagai-bagai jenis gasing seperti gasing jantung, kelemar, telur dan berembang. Namun begitu, gasing Melayu dan Cina lebih diminati kerana ringan dan mudah untuk dimainkan. Tali gasing pula dibuat daripada helaian tebal yang telah dipintal menjadi seutas tali.

Gasing dimainkan dengan dua cara, iaitu sebagai gasing pangkah dan gasing uri. Gasing pangkah dimainkan dengan melemparkannya supaya mengetuk gasing lawan. Manakala gasing uri dipertandingkan untuk menguji ketahanannya berpusing.

Jawab soalan-soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap.

a. Kenapa gasing lebih sesuai dimainkan oleh golongan lelaki?

Lihat sebelah

b. Gasing berasal dari mana?

c. Bilakah gasing dibawa ke Tanah Melayu?

d. Siapakah yang telah mengajar penduduk tempatan cara bermain gasing?

e. Gasing yang bermutu dibuat daripada apa?

f. Berikut adalah jenis-jenis kayu yang digunakan untuk membuat gasing **kecuali**...

- A. kayu jering
- B. kayu bakau
- C. kayu meranti
- D. kayu jambu



g. Senaraikan dua jenis gasing yang lebih diminati untuk dimainkan.

Lihat sebelah

h. Bagaimanakah tali gasing dibuat? Jelaskan.

i. Apakah perbezaan cara permainan gasing pangkah dan gasing uri?

j. Apakah tajuk yang sesuai untuk petikan di atas?


Tajuk yang sesuai untuk petikan di atas ialah _____.

A. gasing

B. sejarah gasing

C. gasing pangkah

D. gasing uri



[10 x 2 markah]